



TERAPI RADIASI DALAMAN SELEKTIF (SIRT)

PENDIDIKAN PESAKIT



Terapi Radiasi Dalam Selektif (SIRT)

Apa itu SIRT?



Terapi Radiasi Dalam Selektif (SIRT) adalah rawatan khusus untuk **tumor hati** yang menghantar berjuta-juta manik kecil radioaktif, dikenali sebagai SIR-Spheres Y-90 resin microspheres, terus ke tumor hati. Ia melibatkan dua peringkat, iaitu peringkat perancangan dan peringkat rawatan.

Prosedur Perancangan dan Rawatan

sebilangan kecil bahan radioaktif disuntik untuk memeriksa jumlah darah yang mengalir dari hati ke paru-paru



Kajian shunt paru-paru di Makmal Kateter oleh Pakar Radiologi Intervensi



Imbasan SPECT
*masa imbasan: 30-40 minit



Anda dikehendaki membayar deposit untuk rawatan SIRT dan imbasan selepas SIRT



Jika sesuai, dos SIR-Spheres akan ditentukan



Pakar Radiologi Intervensi dan Pakar Perubatan Nuklear akan menentukan kesesuaian rawatan

3 minggu



rawatan SIRT dilakukan



Imbasan selepas SIRT pada hari yang sama atau keesokan harinya

Sebelum Rawatan SIRT





Anda akan berjumpa dengan pakar onkologi dan pakar radiologi intervensi sebelum rawatan untuk menilai sejarah kanser anda dan sebarang keadaan perubatan lain yang anda alami.



Anda akan menjalani beberapa siri ujian, termasuk angiogram, untuk memastikan bahawa anda sesuai menerima Rawatan SIRT dengan selamat.

Bagaimana Rawatan SIRT Berfungsi?



Tiub fleksibel kecil yang dikenali sebagai kateter akan dimasukkan ke dalam salur darah di pangkal paha anda (A). SIR-Spheres Y-90 resin microspheres akan memasuki ke dalam hati (B). Keseluruhan prosedur mungkin mengambil masa kira-kira 90 minit. Doktor anda akan membincangkan ubat-ubatan dan anestetik yang mungkin digunakan semasa prosedur tersebut.

Prosedur SIRT membolehkan radiasi, yang sering digunakan untuk merawat kanser, dihantar terus ke tumor hati melalui arteri hepatic (C) yang membekalkan darah ke hati, supaya pendedahan kepada tisu hati yang sihat dapat diminimumkan. Oleh kerana ia dihantar terus ke tumor, ini membolehkan dos radiasi yang lebih besar diberikan secara terus berbanding terapi radiasi luaran konvensional.

Manfaat SIRT

1

Apabila diberikan bersama kemoterapi, SIR-Spheres boleh mengecilkan tumor hati lebih efektif berbanding dengan apabila kemoterapi yang diberikan secara bersendirian.

2

Pada sesetengah pesakit, SIR-Spheres mungkin mengecilkan tumor sehingga ia boleh dibuang melalui pembedahan pada tarikh yang lain.

3

Rawatan ini boleh membantu pesakit merasa lebih baik dan memanjangkan jangka hayat mereka.

Kesan Sampingan Daripada SIRT



Sakit perut dan/atau loya

biasanya hilang dalam tempoh masa yang singkat dan/atau dengan ubat rutin



Demam ringan

sehingga satu minggu



Kehilangan tenaga

selama beberapa minggu

Jika sejumlah kecil mikrosfera memasuki organ lain dalam badan, ia mungkin menyebabkan:



Kolesistitis

pundi hempedu



Gastritis

perut



Duodenitis

usus

Langkah Berjaga-jaga Khusus untuk SIRT



Lelaki dan wanita **tidak boleh merancang kehamilan** dengan pasangan mereka **dalam masa 2 bulan** selepas rawatan.



Kontrasepsi yang berkesan mesti digunakan sepanjang masa dalam tempoh ini.



Elakkan rawatan SIRT jika anda **hamil**.



Wanita **tidak boleh menyusukan anak** selama **dua minggu pertama** selepas rawatan.



Wanita **tidak boleh menggunakan susu ibu yang diperah** dalam tempoh ini untuk diberikan kepada bayi mereka melalui botol susu.

**Pusat Perubatan Nuklear terletak di:
Basement, Tower C**

Waktu Operasi

Isnin-Jumaat 8.30am - 5.30pm

Sabtu 8.30am - 12.30pm

tutup pada Ahad dan Cuti Umum

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami:



+603-7494 1017



+603-7491 1483



smc@sunway.com.my